

**TEKS UCAPAN  
Y. BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**SEMPENA MAJLIS ANUGERAH SUKAN UTeM 2010  
6 APRIL 2010, JAM 12.00 TGH  
DEWAN PUSAT SUKAN**

TERIMA KASIH SAUDARA/I PENGERUSI MAJLIS

YANG BERBHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)

YANG BERBHG PROF. DR. MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

YANG BERBHG ENGR. PROF. DR. MARIZAN BIN SULAIMAN  
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

Y. BERUSAHA HAJI ISMAIL BIN ABDOL JALIL,  
PENGARAH, PUSAT SUKAN UTEM

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

KETUA PASUKAN, PARA ATLET, JURULATIH DAN AHLI  
JAWATANKUASA PELAKSANA MASUTEM, 2010.

ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA

ALHAMDULILLAH SAYA MEMANJATKAN RASA KESYUKURAN KE HADRAT ILLAHI KERANA DENGAN IZIN DAN RAHMATNYA DAPAT KITA BERKUMPUL BERSAMA DI DALAM MAJLIS YANG AMAT BERMAKNAINI BAGI MENYEMPURNAKAN MAJLIS ANUGERAH SUKAN KALI KE-2, 2010.

TERLEBIH DAHULU, SAYA MENGAMBIL KESEMPATANINI MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA PUSAT SUKAN BERSAMA JAWATANKUASA TERLIBAT, DI ATAS USAHA GIGIH SERTA INISIATIF MEREKA UNTUK MEMASTIKAN

AKTIVITI KESUKANAN DI UTEM TERUS MENCIPTA KEGEMILANGAN.

PENGANJURAN MAJLIS ANUGERAH SUKAN KALI KE-2, 2010 (MASUTEM)INI ADALAH SIGNIFIKAN KE ARAH MEWUJUDKAN SUATU ACARA BERPRESTIJ DALAM BIDANG SUKAN. DI SINILAH KITA MENGIKTIRAF DAN MERAIKAN KEJAYAAN PARA ATLET DAN PASUKAN YANG TELAH MENYAHUT CABARAN MENAIKKAN NAMA UNIVERSITI KE PERSADA SUKAN PERINGKAT KEBANGSAAN.

ANUGERAH YANG BAKAL DIRANGKUL TERDIRI DARIPADA KATEGORI PELAJAR DAN STAF. UNTUK KATEGORI PELAJAR, ANUGERAH YANG DITAWARKAN ADALAH SEPERTI OLAHRAGAWAN, OLAHRAGAWATI, PASUKAN HARAPAN, PASUKAN TERBAIK, PENGURUS TERBAIK, JURULATIH BERWIBAWA DAN ANUGERAH KELAB CEMERLANG MANAKALA BAGI STAF, ANUGERAH YANG BAKAL DIRANGKUL ADALAH ANUGERAH OLAHRAGAWAN, OLAHRAGAWATI HARAPAN, ATLET SERBA BOLEH, PASUKAN TERBAIK DAN ANUGERAH JURULATIH TERBAIK.

SEMOGA ANUGERAHINI MENJADI PERANGSANG KEPADA SEMUA ATLET DAN PASUKAN UNTUK MENERUSKAN AGENDA SUKAN DI UTeM.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIRAIKAN,

PROGRAM SEUMPAMAINI ADALAH SELARAS DENGAN HASRAT UNIVERSITI UNTUK MENGGALAKKAN WARGANYA BERGIAT AKTIF DALAM AKTIVITI KESUKANAN SUPAYA DAPAT

MENJADIKAN DIRI ANDA SIHAT CERGAS, BERDISPLIN DAN MUDAH BERINTERAKSI APABILA MENJALINKAN SILATURRAHIM.

KECERGASAN TUBUH BADAN AKAN MENJADIKAN FIKIRAN ANDA CERGAS. SETELAH SEGALA TUMPUAN DAN PERHATIAN TERARAH KEPADA PEMBELAJARAN DAN KERJA-KERJA DI PEJABAT, SEHARUSNYA KITA MELUANGKAN MASA UNTUK BERIADAH. INI DAPAT MENGURANGKAN TEKANAN DAN SETERUSNYA DAPAT MENINGKATKAN PRESTASI AKADEMIK

DAN KERJA YANG LEBIH CEMERLANG. KESIHATAN FIZIKAL HARUS DISEIMBANGKAN DENGAN KECERDASAN MENTAL.

ANTARA OBJEKTIF UTAMA PROGRAM MASUTEMINI DIANJURKAN IALAH SEBAGAI GALAKAN DAN PENGHARGAAN KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM AKTIVITI KESUKANAN DI UNIVERSITI. PADA MAJLISINI KITA MEMBERI PENGIFTIRAFAN KEPADA PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT DENGAN KEJAYAAN SUKAN DI UTEM TERUTAMANYA KEPADA PARA ATLET, PASUKAN ATAU KELAB DAN JURULATIH.

PENGANUGERAHANINI DIHARAPKAN MENJADI PENDORONG UNTUK KEJAYAAN YANG LEBIH BERMAKNA KEPADA UNIVERSITI DAN DIRI ANDA SENDIRI.

HADIRIN YANG DIHORMATI,

BANYAK KEJAYAAN YANG TELAH DICAPAI OLEH UTEM PADA TAHUN 2009. HASIL DARI PADA KEJAYAAN TERSEBUT, TERDAPAT BEBERAPA NAMA ATLET PELAJAR KITA TELAH

TERSENARAI DALAM PENGANUGERAHAN SUKAN MASUM YANG AKAN DIADAKAN PADA 10 APRIL INI.

DISAMPING ITU, PUSAT SUKAN UTEM JUGA TELAH DIBERI MANDAT DAN KEPERCAYAAN OLEH KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT) UNTUK MENJADI URUS SETIA KONTINJEN MALAYSIA BAGI MENGURUSKAN SUKAN MALAYSIA – INDONESIA YANG TELAH BERLANGSUNG PADA 21 – 25 DISEMBER LALU DI JAKARTA, INDONESIA. TAHNIAH DIUCAPKAN.

PADA TAHUN INI JUGA, UTeM AKAN TERLIBAT SECARA LANGSUNG SEBAGAI JAWATANKUASA PENGINAPAN DI LUAR PERKAMPUNGAN SUKAN SUKMA 2010 YANG AKAN DIADAKAN DI MELAKA PADA 10-16 JUN INI. PENGLIBATAN UTeM BUKAN SAHAJA MENGURUSKAN PENGINAPAN, SEBALIKNYA TURUT DIBERI TANGGUNGJAWAB UNTUK TERLIBAT SEBAGAI VENUE PERTANDINGAN BAGI ACARA SEPERTI MEMANAH, WUSHU DAN PING PONG.

UNTUK MAKLUMAN SEMUA, KEPERCAYAAN YANG DIBERIKAN KEPADA UTEM DALAM MEMARTABATKAN AKTIVTI SUKAN TERUS DIPERJUANGKAN APABILA , UTeM TELAH DIAMANAHKAN UNTUK MNJADI TUAN RUMAH BAGI KEJOHANAN SUKAN STAF IPTA KALI KE-36 PADA TAHUN 2011. SAYA RASA IANYA ADALAH SATU PENGHORMATAN BESAR DAN PERLU DILAKSANAKAN DENGAN JAYANYA. SAYA HARAP, PERSEDIAAN AWAL PERLU DIRENCANAKAN DARIPADA MASA SEKARANG DAN PERLU PERSEPAKATAN DARIPADA SEMUA WARGA UTeM BAGI

MEMASTIKAN PERKARA TERSEBUT DAPAT DIJALANKAN DENGAN BAIK.

INI MERUPAKAN KEJAYAAN YANG SEMEMANGNYA PERLU DIBANGGAKAN, DAN KITA PERLU MEMASTIKAN SETIAP AMANAH YANG DIBERIKANINI MENJADI PENCAPAIAN YANG MAMPU MENAIKAN NAMA UNIVERSITI KE PERINGKAT TERTINGGI.

SEBELUM SAYA MENGAKHIRI UCAPAN SAYA INI, SEKALI LAGI SAYA MENGAMBIL KESEMPATANINI MERAKAMKAN UCAPAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA MEREKA YANG MENJADI PEMENANG ANUGERAH PADA TAHUNINI. TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG MENJAYAKAN PROGRAM KESUKANAN DI UTEM SAMA ADA SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG. SAYA BERHARAP, PENGANJURAN AKTIVITI SUKAN SEPERTI SUKAN ANTARA FAKULTI, SUKAN ANTARA JABATAN DAN TEMASYA OLAHRAGA DAPAT DITERUSKAN SEBAGAI USAHA UNTUK MENERAPKAN

AMALKAN GAYA HIDUP SIHAT SEPERTI YANG TELAH SAYA WAR-WARKAN DALAM PERUTUSAN TAHUNINI, SEKALIGUS DAPAT MENDORONG KE ARAH HIDUP YANG LEBIH BERKUALITI. INSYA'ALLAH.

SEKIAN WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM  
WBTH. TERIMA KASIH.